



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PERASMIAN PROGRAM MENUAI PADI PETAK MODEL
PENGURUSAN EKOLOGI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**09 SEPTEMBER 2019 (ISNIN)
8.30 PAGI**

**PEJABAT KOPERASI KERJAYA PERMATANG NIBONG
PERMATANG NIBONG
PERMATANG PAUH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Rosli Bin Ishak

Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad

Yang Berusaha Encik Annas Bin Mohd Kassim

Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Permatang Nibong

Yang Berusaha Dr. Nurul Salmi Binti Abdul Latip

Pensyarah

Pusat Pengajian Sains Kajihayat

Universiti Sains Malaysia

Yang Berusaha Kapten (B) Zakaria Bin Kamantasha

Pengerusi Koperasi Agro Belantik Sik Bhd dan juga

Penyelia SRI Lovely (System of Rice Intensification, Lintang Organics Valley), Sik, Kedah

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Penduduk Permatang Nibong

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Program Menuai Padi Petak Model Pengurusan Ekologi di Permatang Nibong. Ini merupakan hasil kerjasama antara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP), *Integrated Agriculture Development Authority* (IADA), Universiti Sains Malaysia (USM) dan juga Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad serta penduduk Permatang Nibong.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada wakil daripada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP), *Integrated Agriculture Development Authority* (IADA) dan Yang Berusaha Dr. Nurul Salmi Binti Abdul Latip, Pensyarah dan Penyelidik daripada Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Universiti Sains Malaysia (USM) yang sudi melapangkan masa bersama kita dalam program pada pagi ini. Tidak dilupakan dif-dif jemputan, para pegawai dan wakil-wakil Kementerian yang berkunjung di Permatang Nibong.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dan para pesawah yang sentiasa mendambakan pembangunan terutama infrastruktur yang lengkap untuk menanam padi. Saya pasti komitmen tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan program-program yang dianjurkan oleh MPSP dan Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani melalui IADA akan sentiasa membuahkan hasil terbaik untuk diri tuan-tuan dan puan-puan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Rosli Bin Ishak, Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad; Encik Annas Bin Mohd Kassim, Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Permatang Nibong; dan para penduduk Permatang Nibong yang telah memberikan kerjasama dan komitmen untuk hadir dan menjayakan program pada pagi ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pertanian masih menjadi sektor dominan di Seberang Perai, di mana pada tahun 2015, 34,030 hektar atau 31.1% dari keseluruhan keluasan tanah Seberang Perai digunakan untuk pertanian. Kawasan padi pula merangkumi 36.65% (12.472 hektar) daripada tanah pertanian di Seberang Perai.

Beras merupakan sumber makanan ruji bagi kira-kira 30 juta rakyat Malaysia dan Pulau Pinang adalah antara tiga negeri utama di Malaysia yang mencatatkan pengeluaran beras tertinggi setiap tahun. Keluasan kawasan tanaman padi di Negeri Pulau Pinang adalah seluas 12,782 hektar di mana 97.57% (12,472 hektar) adalah terletak di Seberang Perai.

Sistem penanaman padi yang diamalkan oleh hampir keseluruhan pesawah melibatkan penggunaan secara intensif bahan-bahan ladang berasaskan kimia seperti racun perosak dan baja. Penggunaan baja kimia dan racun serangga merosakkan bukan sahaja tanah dan hasil tanaman, ia juga menjejaskan alam sekitar dan kesihatan pesawah sendiri.

Oleh itu, seiring dengan peningkatan kesedaran di kalangan pengguna serta petani akan penggunaan kesan bahan kimia yang terkandung di dalam beras, alternatif lain telah diambil bagi mengurangkan atau mengelakkan penggunaan bahan kimia dalam tanaman padi. Sebagai sumber makanan ruji rakyat Malaysia, permintaan terhadap beras organik semakin meningkat dan secara tidak langsung, kebanyakan petani mula beralih dan mempraktikkan penanaman padi organik.

Penanaman padi organik dapat meningkatkan hasil padi berkali ganda, menjimatkan wang dan meningkatkan pendapatan pesawah. Beras yang dihasilkan melalui penanaman padi organik bukan saja untuk

menampung keperluan penduduk malah mampu menjadi makanan ruji yang lebih sihat. Padi organik mampu dihasilkan dengan lebih mudah dengan menggunakan kaedah baja yang bebas daripada unsur racun, sekaligus menyihatkan.

Penanaman padi organik merupakan satu kaedah penanaman padi yang berbeza melalui prinsip-prinsip membaik pulih dan penyuburan tanah, pembenihan, penanaman, pembajaan dan pengairan. Kesemua prinsip ini akan memberi kesan yang sangat positif menerusi hasil tuaian, beras yang lebih berkualiti, dapat menjimatkan sumber dan kos serta penjagaan alam sekitar.

Menerusi projek penanaman padi organik di sini, kita sangat berharap agar dapat membantu meningkatkan pendapatan petani dan komoditi setempat terutama dan sekaligus dapat membangunkan ekonomi negara. Selain itu, adalah diharapkan dapat menjadi perintis kepada petani lain untuk mengamalkan kaedah pertanian organik.

Kini, penanaman padi organik telah banyak dipraktikkan di banyak tempat di Malaysia. MPSP juga ingin mengambil inisiatif baru dalam peningkatan hasil dan kualiti padi di Seberang Perai dengan menggunakan kaedah penanaman lebih baik iaitu penanaman padi organik.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Walaupun pertanian bukanlah satu cabang fungsi MPSP namun kajian dalam bidang pertanian organik ini telah dijadikan satu cabang baru 'business' pihak MPSP, memandangkan ianya memberikan faedah kepada pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dalam jangka masa panjang.

Sebagai langkah permulaan bagi projek perladangan padi secara organik, MPSP mengkaji keberkesanan pelaksanaan program ini di Seberang Perai dengan berkolaborasi bersama agensi penyelidikan dan pembangunan tempatan seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP), *Integrated Agriculture Development Authority* (IADA) dan penduduk Permatang Nibong melalui Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad. Kami ingin membangunkan teknologi pengurusan pengeluaran padi organik yang mesra alam, bersih dan cekap sumber. Ianya juga untuk melestarikan penghasilan padi dan peningkatan pendapatan serta kesihatan komuniti setempat dan para pengguna.

Ini adalah merupakan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan ini, MPSP menjalinkan kerjasama dengan para

penduduk Permatang Nibong yang terdiri dari petani serta agensi-agensi kerajaan dan menara gading yang menawarkan kepakaran sains dan teknologi dalam program penanaman padi organik yang secara tidak langsung memberi impak positif dan menyumbang terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita. Tujuan utama program ini adalah untuk mewujudkan satu hub pengeluar padi organik di Seberang Perai yang bertepatan dengan hasrat kami untuk menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Pentadbiran MPSP di bawah kepimpinan saya meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada *philosopher* dari kalangan pensyarah universiti dan pemikir serta professional. Saya berpendapat menara gading dan pihak berkuasa tempatan seharusnya bergabung untuk menerokai kekuatan perkongsian supaya meluncur laju memberi khidmat dan manfaatnya dirasai oleh rakyat. MPSP telah merancang dan melaksanakan beberapa program dengan kerjasama daripada institusi-institusi pengajian tinggi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Kampung Permatang Nibong telah dipilih kerana usaha-usaha penduduk di sini yang mengamalkan budaya kitar semula, pengasingan

sisanya di punca dan membuat kompos sisa dapur organik semenjak tahun 2010.

Evolusi penglibatan Permatang Nibong dalam program alam sekitar bermula dengan penubuhan Pusat Sumber Alam Sekitar pada tahun 2010. Ini diikuti oleh pelaksanaan Program Upcycle membuat beg dari banner pada tahun 2011 dan pembuatan baja kompos daripada sisa dapur dan organik pada tahun 2012. Pada tahun 2015, Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad dan Koperasi Lestari Alam Sekitar Permatang Nibong ditubuhkan untuk meneruskan usaha-usaha terdahulu serta juga melibatkan diri dalam program-program alam sekitar di Permatang Nibong dan juga di Pulau Pinang.

Justeru, penghasilan kompos oleh penduduk Permatang Nibong ini bolehlah diperluaskan untuk kegunaan sawah padi untuk memanfaatkan sisa dapur dan organik daripada perkampungan Permatang Nibong dan untuk meminimumkan penggunaan kos. Kompos merupakan baja organik yang terhasil daripada proses penguraian atau pereputan bahan organik mentah dengan bantuan pelbagai jenis mikro organisma. Penggunaan kompos yang dihasilkan oleh penduduk Permatang Nibong dilihat sangat penting sebagai pengganti baja kimia dan memastikan nutrient dalam tanah seimbang untuk pertumbuhan pokok padi.

Langkah pertama yang diambil adalah membuat lawatan ke Sri Lovely Kedah pada 5 Disember 2018 untuk mempelajari kaedah penanaman padi secara organik. Pesawah dari Kampung Permatang Nibong telah mempraktikkan apa yang dipelajari dan melaksanakan projek model (petak percubaan) di belakang bangunan koperasi. MPSP akan membantu pesawah menghasilkan kompos sebagai baja semulajadi, dan seterusnya menggunakan kompos tersebut bagi tujuan penanaman. Seberang Perai berhasrat mencapai Bandaraya Rendah Karbon, salah satu langkah menggunakan sisa organik bagi tujuan pengkomposan, protien dan tenaga.

Petak percubaan merupakan langkah mula kita menuju ke penanaman padi secara semulajadi bagi menghasilkan pengeluaran padi semaksimum yang mungkin. Selain dari padi, itik dan ikan juga boleh ditenak bagi mengimbangi ekologi persekitaran. Tebing-tebing parit pula bolehlah ditanam ulam dan sayur-sayuran bagi menambah pendapatan. Permatang Nibong mempunyai potensi sebagai destinasi eko-pelancongan dan Koperasi Kerja Permatang Nibong boleh merancang ke arah misi tersebut.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Akhir kata, terima kasih kepada penduduk Permatang Nibong yang menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022 dengan *tagline* MPSP iaitu “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”.

Terima kasih sekali lagi kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP), *Integrated Agriculture Development Authority* (IADA), Universiti Sains Malaysia (USM) atas sokongan padu serta kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program ini.

Dengan itu saya akhiri ucapan saya dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.***